

# ORAFENE TABLET

Buclizine dihydrochloride (25mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Orafene*
2. Bagaimana *Orafene* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Orafene*
4. Cara menggunakan *Orafene*
5. Semasa menggunakan *Orafene*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Orafene*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Orafene*

Ia digunakan untuk mencegah loya, muntah dan pening akibat mabuk perjalanan. Ia juga digunakan untuk rawatan gejala-gejala keadaan alahan.

## Bagaimana *Orafene* berfungsi

*Orafene* mempunyai fungsi antihistamin yang melegakan gejala-gejala alahan. Ia juga mempunyai sifat melegakan gejala-gejala loya, muntah dan pening.

## Sebelum menggunakan *Orafene*

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil *Orafene* jika ada alahan kepada bahan aktif dan tidak aktif yang terkandung dalam *Orafene*.

### Mengandung dan menyusukan anak

Penggunaan tidak dicadangkan dalam tiga bulan pertama kehamilan. Jangan ambil *Orafene* jika anda menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum menggunakan *Orafene*

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika ada masalah halangan leher pundi kencing atau kelenjar prostat bertambah besar, tekanan mata tinggi dan halangan perut-usus.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat depresi sistem saraf pusat atau ubat yang toksik kepada telinga. Juga, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan *Orafene*

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: oral, 25 – 50mg satu atau tiga sehari, tidak melebihi 150mg sehari. Kanak-kanak: Dos tidak dipastikan. Mabuk perjalanan – oral, 50mg tiga puluh minit sebelum perjalanan, diulangi 4 – 6 jam jika perlu. Ikut arahan doktor

atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ubat boleh diambil dengan makanan atau susu untuk mengurangkan iritasi perut. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan *Orafene*

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan *Orafene*.

Beritahu doktor dengan segera jika anda jadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi *Orafene* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau melakukan kerja yang memerlukan perhatian kerana kemungkinan kesan mengantuk. Elakkkan minuman beralkohol.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Orafene* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun

buhan semua orang mengalaminya. Mengantuk, kering mulut, sakit kepala, gangguan perut-usus, kabur penglihatan, dan gementar mungkin berlaku sekali-sekala.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan *Orafene*

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Tablet bujur segiempat, dwicembung, berwarna putih dan skor atas.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: buclizine dihydrochloride
- Bahan tidak aktif: cornstarch, lactose monohydrate, polyvinylpyrrolidone, magnesium stearate dan dried cornstarch.

### - Nombor MAL

MAL19930133AZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

22/06/2017

## Nombor siri

BPFK(R4/1)220617/00150